

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU - PAS]**

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 26)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan setiap sekolah mempunyai padang bola sepak dalam rangka menjayakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN).

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan atau infrastruktur bola sepak merupakan salah satu daripada 5 teras Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN). Menjelang tahun 2020 PPBN mensasarkan sebanyak 300 pusat-pusat latihan (1 di sekolah rendah dan 1 di sekolah menengah bagi setiap daerah). Salah satu kriteria minimum pusat-pusat latihan ini ialah mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu padang berukuran mengikut spesifikasi FIFA. Inisiatif PPBN lebih fokus untuk memastikan padang-padang di pusat-pusat latihan ini diselenggarakan dengan baik sepanjang tahun. Adalah tidak wajar sekiranya pusat-pusat ini mempunyai padang tetapi tidak diselenggarakan dengan baik untuk latihan yang optimum. Kerajaan berpendapat jika ada kekangan kewangan bagi memastikan semua sekolah mempunyai padang, sekurang-kurangnya padang di pusat-pusat di bawah PPBN akan diselenggara dengan rapi.

Sekian, terima kasih.